

## **SANTUNI ALAM SEKITAR: KE ARAH PEMERKASAAN PELAKSANAAN HUKUMAN ALTERNATIF**

**DR. AZIZAH MAT RASHID**

[azizahrashid@kuis.edu.my](mailto:azizahrashid@kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**MOHAMAD AZHAN YAHYA,**

[azhan@ukm.edu.my](mailto:azhan@ukm.edu.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**ADIBAH BAHORI**

[adibahbahori@uitm.edu.my](mailto:adibahbahori@uitm.edu.my),

Universiti Teknologi MARA, Rembau

**SUHAIZAD SAIFUDDIN**

[suhaizad@ns.gov.my](mailto:suhaizad@ns.gov.my),

Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilandan

**MOHAMMAD YUSZAIRI MOHAMAD ZAM ZAM**

[yuszairi88@gmail.com](mailto:yuszairi88@gmail.com)

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.

### **ABSTRAK**

Keterbatasan had hukuman jenayah syariah sering dikatakan kurang berkesan dan kurang memberi impak yang boleh memberi keinsafan kepada pesalah. Meskipun begitu, hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk kita berhenti mencari solusi, memikirkankan alternatif dan menyediakan hukuman yang lebih efektif. Enakmen tatacara jenayah syariah menyediakan beberapa peruntukan yang boleh dimanfaatkan bagi menyediakan hukuman alternatif dan sesuatu pelaksanaan hukuman yang berkesan perlu mencapai objektif hukuman yang boleh memberi keinsafan kepada pesalah serta dapat mencegah pesalah mengulangi kesalahan yang telah dilakukan selain boleh menjadi pengajaran kepada orang lain. Dalam erti kata lain, hukuman yang dikenakan bukanlah bertujuan menyiksa atau membebankan pesalah sebagai balasan kepada kesalahan yang dilakukan. Penulisan ini bertujuan menjelaskan bagaimana aktiviti menyantuni alam sekitar boleh dimanfaatkan sebagai satu bentuk pelaksanaan hukuman alternatif kepada pesalah jenayah syariah tanpa melibatkan kos yang tinggi. Kaedah penulisan ini menggunakan kerangka kajian perundangan tulen secara kualitatif di mana data-data diperolehi melalui bahan-bahan berbentuk dokumentasi serta rujukan bahan-bahan perpustakaan seperti buku-buku, jurnal, dokumen perundangan dan sebagainya. Didapati, antara hukuman alternatif yang dilaksanakan setakat ini berbentuk perintah berkelakuan baik, khidmat masyarakat seperti mencuci masjid dan menghafaz al-quran. Penulisan ini mencadangkan supaya aktiviti santuni alam sekitar dijadikan sebagai satu bentuk khidmat ummah yang boleh dilaksanakan sebagai satu hukuman alternatif di mahkamah syariah terhadap kesalahan jenayah syariah. Di samping itu, penulisan ini turut mencadangkan garis panduan umum dan kaedah pelaksanaan aktiviti santuni alam sekitar bagi tujuan memberi gambaran yang jelas dan memudahkan proses pelaksanaan.

**Kata kunci:** alam sekitar, lestari, hukuman alternatif, jenayah syariah.

### **1. PENGENALAN**

Hukuman alternatif merupakan pilihan hukuman lain yang boleh dikenakan ke atas pesalah bagi kesalahan-kesalahan tertentu selain daripada hukuman asal yang diperuntukkan dalam peruntukan kesalahan yang dilakukan. Pelaksanaan hukuman ini adalah berdasarkan

pertimbangan dan perintah hakim berdasarkan peruntukan hukuman alternatif yang yang disediakan. Kewujudan peruntukan hukuman alternatif dilihat sebagai sangat signifikan dan bertepatan dengan objektif hukuman yang bertujuan memberi keinsafan dan pengajaran kepada pesalah. Pelaksanaan hukuman alternatif adalah berdasarkan budi bicara dan pertimbangan hakim kerana tiada garis panduan hukuman alternatif yang boleh dijadikan panduan secara khusus. Hal ini memberi peluang kepada hakim untuk mempelbagaikan bentuk hukuman alternatif yang boleh memberi kesan kepada pesalah dan seterusnya mencapai matlamat hukuman alternatif. Penulisan ini mencadangkan program santuni alam sekitar sebagai salah satu bentuk hukuman alternatif yang boleh diaplikasikan kepada pesalah. Ini kerana aktiviti sedemikian yang boleh mendekatkan seorang hamba kepada Pencipta alam semesta mempunyai falsafah dan kesan yang sangat mendalam kepada pesalah. Pelaksanaan hukuman ini juga bukan sekadar memberi kesan kepada pesalah, tetapi dapat memberi banyak manfaat kepada banyak pihak melalui jalinan Kerjasama selain menjimatkan kos. Justeru, diharap penulisan ini berupaya mencetuskan idea ke arah pemerkasaan pelaksanaan hukuman alternatif yang lebih efektif tanpa menjadikan keterbatasan had bidang kuasa dan ketiadaan peruntukan kewangan sebagai kekangan.

## **2. KONSEP ALAM SEKITAR DAN HIKMAH CIPTAAN MENURUT ISLAM**

Alam sekitar merupakan ciptaan Allah SWT yang maha sempurna. Ianya merupakan kurniaan dan amanah kepada umat manusia agar dipelihara supaya keseimbangan terjaga. Al-Qur'an sebagai sumber rujukan mutlak kepada manusia telah menggariskan langkah-langkah melalui ayat-ayatnya untuk membimbing seseorang itu memelihara alam ini dari berlakunya kerosakan dan kemusnahan. Allah SWT telah memberikan manusia itu tanggungjawab untuk memakmurkan alam ini. (Imaduddin & Noor Shakirah, 2016) Alam sekitar adalah milik mutlak Allah yang dipinjamkan kepada manusia untuk kelangsungan hidup dan pembangunan tamadun. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Allah jualah yang menguasai alam langit dan bumi serta segala yang ada padanya; dan Dialah jua yang Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu" (Surah al-Maidah, 5: 120)

Menurut Imam Al-Ghazali, apabila kita berfikir tentang alam semesta, kita akan dapat melihat alam semesta ibarat sebuah rumah yang dilengkapi dengan segala keperluan. Langit yang tinggi ibarat atap, bumi yang terhampar luas ibarat permaidani, bintang-bintang yang bertebaran ibarat lampu dan harta kekayaan yang terpendam bagaikan simpanan yang memberi manfaat setiap saat. Semua kemudahan tersebut disediakan untuk manusia yang mana, manusia bagaikan raja yang memiliki rumah itu. Pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan tersedia, yang dapat dimanfaatkan untuk kebaikan diri manusia (Murtadho, 2012).

Justeru, Islam sangat menitikberatkan penjagaan alam sekitar dan menyeru manusia untuk mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Allah SWT. Malahan, dalam Islam, pengabdian kepada Allah SWT bukan sekadar kepatuhan melakukan ibadah khusus, malahan mencakupi kepatuhan terhadap pengurusan alam sekitar. (Nidzamuddin Zakaria, 2008) Alam sekitar merujuk kepada unsur-unsur yang wujud dalam persekitaran manusia. Dalam konteks semasa, istilah ekologi turut dikaitkan dalam perbincangan berkaitan alam sekitar yang merujuk kepada interaksi sesama makhluk hidup dalam ekosistem semulajadi (Ahmad Dahlan, 2013).

Selain itu, Islam juga sangat menitikberatkan aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi mewujudkan suasana yang harmoni, selesa & seimbang. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi

untuk kegunaan kamu, dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dgn perintah-Nya? Dan ia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izin-Nya; sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan-Nya dan rahmat-Nya kepada umat manusia” (Surah al-Hajj, 22: 65)

Dalam Islam, prinsip yang menjadi tunjang kehidupan setiap manusia termasuk hubungan manusia dengan persekitarannya ialah apa sahaja yang dilakukan perlu digerakkan ke arah mencapai kesejahteraan manusia, kesetaraan penggunaan dan agihan serta prinsip persaudaraan dan pengorbanan. Semua ini perlu berteraskan kepada tauhid sebagai paksi utama dalam interaksi manusia dengan alam sekitar, peranan manusia sebagai khalifah dalam memakmurkan bumi dan akhlak Islamiah yang akan memandu manusia dalam memelihara hubungan dengan alam sekitar. (Haliza, 2016). Perbuatan mencemar dan merosakkan alam sekitar juga menodai fungsi kekhalifahan yang telah dipertanggungjawabkan kepada manusia. Sebagai makhluk yang diciptakan Allah SWT, maka manusia harus mematuhi beberapa konsep semasa mereka berinteraksi dengan alam sekitar, antaranya tauhid, khalifah dan amanah, adil dan i'tidal serta syariah. (Manzoor, S.P. 1991)

### **3. PERANAN UNDANG-UNDANG DALAM MELESTARI ALAM SEKITAR**

Kebergantungan manusia kepada alam sekitar demi kehidupan yang sejahtera menuntut semua pihak memainkan peranan dalam memastikan kelestarian alam. Pengurusan dan pentadbiran hal-hak berkaitan alam sekitar tidak hanya terbatas atau terhad kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air malah ia memerlukan komitmen pelbagai sektor dan agensi. Merujuk portal rasmi Kementerian Alam Sekitar dan Air, kementerian ini sedang menerajui usaha ke arah Malaysia Lestari 2030 berteraskan kepada empat tunjang utama; pengukuhan governan, pertumbuhan hijau, kolaborasi strategik dan keterangkuman sosial. Bagi menjayakan usaha ini, maka komitmen pelbagai pihak dari pelbagai aspek termasuk penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang diperlukan untuk mengawal dan memastikan aktiviti manusia tidak bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan bagi menjamin kelestarian alam sekitar. . Menurut Siti Khatijah Zamhari & Christopher Perumal (2016), pembentukan komuniti lestari menuntut komuniti untuk patuh kepada peraturan yang ditetapkan dan berusaha sedaya upaya untuk tidak melanggar segala akta perundangan yang ditetapkan. Menurut Farrah Wahida et al. (2020) pula, pelbagai rang undang-undang telah digubal dalam memastikan alam sekitar ini terus terpelihara. Undang-undang telah menyediakan satu balasan atau hukuman khas terhadap kesalahan pencemaran atau kerosakan yang dilakukan.

Dalam konteks perundangan di Malaysia, undang-undang utama berkaitan pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar terletak di bawah bidang kuasa undang-undang Persekutuan. Undang-undang telah memperuntukkan pelbagai perundangan bagi memastikan setiap kemusnahan yang berlaku hasil daripada manusia itu sendiri akan dikenakan hukuman Farrah Wahida Mustafar, Mohamad Haiqal Danial Hamdan dan Norfadzilah Jusoh, (2020). Sebagai contoh, bagi mengelakkan pembakaran terbuka yang boleh menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar, seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan hukuman denda sebanyak RM500,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Selain itu, seksyen 278 Kanun Keseksaan (Akta 574) memperuntukkan satu kesalahan jenayah bagi perbuatan menjadikan udara berbahaya kepada kesihatan yang boleh menjejaskan kesihatan hidupan di muka bumi ini. Menurut Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 juga, perbuatan mencemarkan perairan boleh didenda tidak melebihi RM 100 000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ribu ringgit sehari bagi setiap kesalahan

yang dilakukan secara berterusan selepas penerimaan suatu notis berkenaan pemberhentian perbuatan yang dinyatakan itu. Akta ini berfungsi mengawal bentuk pencemaran di samping memulihara kualiti alam sekeliling. Selain daripada akta induk ini, undang-undang kecil yang dikenali sebagai peraturan dan perintah dibentuk melaluinya khusus bagi melaksanakan fungsi dan mencapai objektif Akta. (Harlida & Nurli, 2012).

Kewujudan undang-undang peringkat Persekutuan yang memperuntukkan hukuman seumpama ini boleh memberi peringatan dan amaran kepada masyarakat supaya tidak sewenang-wenangnya melakukan pencemaran atau kerosakan kepada alam sekitar. Bagi pesalah-pesalah yang telah disabitkan dengan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman sebagai balasan dan pengajaran atas perbuatan yang telah dilakukan. Walau bagaimanapun, kerosakan alam sekitar yang telah berlaku tetap tidak dapat dipulihkan, malah apa yang lebih malang sesetengah kerosakan tersebut turut memberi kesan kepada kehidupan lain dan menyebabkan kerosakan dalam skala yang lebih besar kepada alam sekitar secara umum. Justeru, selain menyediakan hukuman sebagai pengajaran kepada pesalah, penting untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, mengamalkan nilai-nilai hidup yang murni dan menyantuni alam dengan penuh tanggungjawab.

Menurut Suzana Yusuf (2020), pelaksanaan perintah berkurung ekoran wabak Covid-19 telah memberi nafas baharu terhadap planet bumi apabila aktiviti manusia yang merangkumi pengangkutan, pelancongan dan perindustrian dihentikan sementara. Ia telah memberi kesan kepada penurunan kadar pencemaran udara dan pelepasan gas rumah kaca (GHG), tahap kualiti sungai yang lebih baik, pantai yang bersih selain tahap kebisingan persekitaran terutama di kawasan bandar dan perindustrian yang berkurangan. Fenomena ini membuktikan bahawa pengawalan aktiviti pencemaran dan kerosakan alam sekitar melalui pematuhan terhadap peraturan yang berkesan mampu mengembalikan dan mengekalkan kestabilan alam sekitar. Menurut Suzana Yusuf, (2020) lagi, pemikiran dan tingkah laku manusia terutama umat Islam perlu berubah dengan berpandukan prinsip-prinsip al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W demi menjaga keseimbangan dan kelestarian alam sekitar. Transformasi ini seharusnya diubah dan diamalkan bukan disebabkan pandemik Covid-19 semata-mata tetapi juga termasuk cabaran krisis perubahan iklim dan isu-isu pencemaran yang berlaku pada hari ini.

Justeru, selain meletakkan tanggungjawab pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar melalui penguatkuasaan undang-undang sivil atau undang-undang Persekutuan, usaha melestari alam sekitar perlu disokong dan dilakukan melalui pelaksanaan undang-undang Syariah. Tidak dinafikan, perundangan Syariah tidak mempunyai bidang kuasa khusus berkaitan alam sekitar apatah lagi menjatuhkan hukuman ke atas pesalahnya. Walau bagaimanapun, keterbatasan bidangkuasa sedia ada dan keterbatasan had hukuman bagi kesalahan jenayah Syariah tidak seharusnya dijadikan alasan untuk terkecuali daripada menyumbang kepada usaha melestari alam sekitar. Penulisan ini mendapati, masih terdapat ruang yang boleh dimanfaatkan sebagai satu mekanisme menyokong kelestarian alam sekitar di bawah perundangan Syariah iaitu melalui pelaksanaan hukuman alternatif yang mampu melahirkan sifat kehambaan dalam jiwa manusia serta menjadikan seorang hamba yang sentiasa bersyukur dengan segala nikmat kurniaan Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, konsep pelaksanaan hukuman alternatif dan kepentingannya perlu difahami terlebih dahulu bagi melihat bagaimana ia boleh dilaksanakan dalam melestari alam sekitar.

#### **4. PELAKSANAAN HUKUMAN ALTERNATIF DAN KEPENTINGAN**

Penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah yang berkesan perlu selari dengan matlamat penghukuman menurut perspektif Islam. Antara matlamat yang ingin dicapai dalam konsep hukuman jenayah syariah ialah sebagai pembalasan, pencegahan, pemulihan dan pendidikan, melindungi masalah awam dan mewujudkan keadilan. Bagi mencapai matlamat tersebut, undang-undang jenayah syariah menyediakan mekanisme hukuman tertentu yang mampu memberikan kesan kepada individu dan masyarakat. Misalnya hukuman bagi kesalahan takzir amat luas dan boleh dikenakan mengikut masalah, keperluan dan kebijaksanaan pemerintah serta hakim seperti buang negeri, amaran, pemenjaraan, denda, sebatan dan pemulihan. Dalam konteks bidang kuasa undang-undang jenayah syariah di negara ini, peruntukan sedia ada termasuk dalam kesalahan takzir yang dihadkan hukuman kepada tiga tahun pemenjaraan, enam kali sebatan dan denda lima ribu ringgit. Keterbatasan hukuman ini sudah tentu menyukarkan pelaksanaan hukuman yang berkesan selari dengan matlamat yang ditetapkan Islam.

Dalam perkembangan negara yang sedang menuju ke arah negara Revolusi Perindustrian 4.0, ia boleh membawa kepada berlakunya perkembangan perlakuan jenayah syariah termasuk jenayah di alam siber seperti kesalahan berkaitan akidah. Oleh hal yang demikian, mekanisme pencegahan menerusi hukuman yang bersesuaian perlu dititikberatkan selaras dengan tuntutan semasa. Menurut perundangan Islam, hukuman alternatif merujuk kepada *uqubah badliyah* iaitu satu bentuk hukuman yang menggantikan hukuman asal yang tidak dapat dilaksanakan kerana tidak memenuhi syarat penghukuman. Sebagai contoh hukuman diyat yang menggantikan hukuman qisas atau hukuman tazkir yang menggantikan hudkuman hudud atau qisas yang tidak dapat dijalankan kerana tidak mencukupi syarat-syarat yang diperlukan atau gugur salah satu daripada syarat-syarat tersebut (Qadir 'Audah 1993). Pelaksanaan jenayah syariah di Malaysia yang terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri sebagaimana termaktub dalam Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah menyebabkan perundangan syariah memperlihatkan pelbagai bentuk ketidakseragaman yang secara tidak langsung turut menyumbang kepada ketidaksempurnaan dan ketidakberkesanan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah (Azizah, Noor Aziah, Ahmad Azam, Nor 'Adha & Noor Azira 2019). Suhaizad dan Jasri Jamal (2014) dalam sebuah kajian mendapati peruntukan berhubung kesalahan dan hukuman berkaitan ajaran sesat di Negeri Sembilan perlu dikaji dan dinilai semula. Hal ini kerana terdapat beberapa peruntukan yang perlu dipinda supaya ia benar-benar dapat memberi kesan kepada tertuduh dan masyarakat termasuklah berkaitan dengan hukuman.

Dalam sebuah penulisan lain, Zurul Iman dan Zaini Nasohah (2019) menegaskan bahawa usaha penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah perlu dipertingkatkan. Segala kelemahan dan kekurangan yang wujud perlu diatasi dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Siti Zubaidah (2016) menjelaskan antara cabaran semasa yang dihadapi oleh undang-undang jenayah syariah ialah munculnya medium perlakuan kesalahan jenayah yang baru. Antaranya ialah perbuatan yang berkaitan dengan agama seperti menghina agama, pihak berkuasa agama dan sebagainya yang dilakukan di alam siber. Dalam keterbatasan hukuman yang diperuntukkan oleh Akta 355, masih ada ruang yang membolehkan para hakim menjatuhkan hukuman selain denda, penjara dan sebatan, iaitu hukuman alternatif yang berbentuk perintah pemulihan yang merangkumi hukuman khidmat masyarakat, kaunseling, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah dan program di masjid.

Hukuman alternatif adalah satu bentuk hukuman yang wajar diaplikasi secara meluas dalam penghukuman terhadap kesalahan jenayah syariah. Hukuman ini dilihat mampu memberikan kesan yang positif terutama bagi kesalahan berbentuk moral, akidah dan

kesalahan tatasusila (Norliana Zaimon & Mohd Al Adib Samuri, 2018). Walau bagaimanapun hukuman alternatif berbentuk perintah pemulihan masih belum boleh dilaksanakan secara menyeluruh berikutan tiada kaedah pelaksanaan yang jelas (Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2017). Masalah ini menjadi kekangan utama bagi pelaksanaan hukuman alternatif berbentuk perintah pemulihan kes jenayah syariah di negara ini.

## **5. PEMERKASAAN HUKUMAN ALTERNATIF MELALUI PROGRAM SANTUNI ALAM SEKITAR**

Dalam pelaksanaan hukuman alternatif berbentuk pemulihan, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi di peringkat pelaksanaan seperti yang telah diketengahkan dalam beberapa kajian seperti ketiadaan rumah perlindungan yang digazetkan, ketiadaan peruntukan undang-undang bagi membolehkan pelaksanaan hukuman alternatif dan sebagainya. Adalah amat penting bagi meningkatkan keberkesanan hukuman alternatif berbentuk perintah pemulihan sedia ada seperti khidmat masyarakat, kaunseling, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah dan mengikuti program-program di masjid. Hukuman seperti ini bertujuan dapat menimbulkan rasa keinsafan dalam diri pesalah supaya mereka serik dan tidak mengulangi kesalahannya lagi. Antara bentuk hukuman alternatif yang dilaksanakan terhadap pesalah bagi kesalahan jenayah syariah yang pernah diperintahkan di negeri Selangor ialah membersihkan tanah perkuburan, membersihkan kebun, menghafal al-Quran dan khidmat masyarakat. Pelaksanaan hukuman sebegini dapat mendidik pesalah dan dapat memberikan kesan serta pengajaran kepada dirinya sendiri (Nurolazhar bin Tohar, 2018). Arahan membersihkan tanah perkuburan dan membersihkan kebun dilihat selari serta menepati konsep melestari alam sekitar. Terdapat banyak falsafah dan signifikan yang boleh dihayati dan diambil iktibar oleh pesalah dengan melaksanakan hukuman-hukuman berbentuk santuni alam sekitar. Sebagai contoh, seorang pesalah yang diarahkan untuk membersihkan tanah perkuburan akan merasa insaf mengenangkan dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Takdir kehidupan di alam barzakh sementara menunggu perhitungan di hari akhirat bergantung kepada bekal amalan kebaikan yang dibawa semasa hidup di dunia. Berbuat baik perlu dilakukan secara menyeluruh dan ia meliputi segala aspek. Amalan menyantuni alam sekitar dengan memastikan kebersihan persekitaran yang terselia, keindahan flora dan fauna yang terpelihara serta kesegaran udara yang terjaga bukan sekadar dapat menghasilkan suasana pemandangan yang mempesonakan tetapi dapat memberikan motivasi dan semangat yang positif kepada semua termasuk diri pesalah sendiri. Penulisan ini berpandangan, sekiranya program santuni alam sebagai satu hukuman alternatif dilaksanakan secara terancang dan bermodul, ia dapat menyumbang kepada penjimatan kos penyelenggaraan alam sekitar oleh pihak-pihak bertanggungjawab.

Bagi memperkasakan lagi hukuman alternatif ini, khususnya dalam menyantuni alam sekitar, sudah tentu terdapat keperluan untuk mewujudkan suatu modul dan kaedah yang sempurna supaya pelaksanaan hukuman ini dapat direalisasikan di seluruh mahkamah syariah di Malaysia. Memandangkan pelaksanaan hukuman alternatif ini berkait rapat dengan alam sekitar, maka sewajarnya ia memerlukan penglibatan pihak berkuasa tempatan, pihak NGO dan pihak-pihak yang berkaitan. Hal ini kerana mereka berfungsi sebagai pihak yang boleh diberikan kepercayaan serta sebagai pihak pemantau di dalam pelaksanaan hukuman alternatif ini. Kebaikan atau implikasinya sudah tentu dapat menyumbangkan kepada pihak-pihak atau agensi-agensi tersebut dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos dari sudut kewangan dan tenaga kerja kepada pekerja yang sedia ada. Sehingga kini, masih tiada lagi modul atau kaedah yang khusus berkaitan dengan pelaksanaan seperti ini walaupun secara umumnya hukuman ini telahpun dilaksanakan. Asas pelaksanaan hukuman tersebut hanya berdasarkan budi bicara atau keputusan hakim syarie tersebut sahaja.

## 6. Kesimpulan

Islam menasihati kita agar sentiasa mengambil berat aspek penjagaan serta pemeliharaan alam sekitar. Ini sejajar dengan firman Allah dalam surah al Hajj ayat 65 yang menghendaki kita memelihara alam sekitar bagi mewujudkan suasana selesa, aman dan seimbang. Malah kita juga dilarang untuk merosakkan alam sekitar dan apa jua yang berada di atas muka bumi ini. Sebagai khalifah di muka bumi ini, seharusnya kita sedar bahawa alam sekitar adalah milik mutlak Allah SWT. Kewujudan alam sekitar di bumi ini adalah hanya sebagai pinjaman sahaja bagi membantu manusia menjalani kelangsungan kehidupan dengan lebih baik di muka bumi ini serta untuk membantu pembangunan kehidupan manusia. Pada masa yang sama, alam sekitar ini juga mampu mengajar kepada manusia untuk belajar mengenal Allah SWT dan agama Islam. Ini kerana fenomena alam serta keajaiban penciptaan alam sekitar ini sebenarnya telah menunjukkan kepada manusia berhubung dengan kebesaran Allah dan kebenaran agama Islam ini. Manusia yang melihat kebesaran ini dengan seadanya boleh memupuk dan meningkatkan keimanan mereka sebagai seorang muslim kepada Allah. Setiap fenomena dan juga kejadian alam sekitar ini adalah untuk mengajak manusia berfikir mengenai kebesaran Allah. Dengan ini manusia akan mengkaji mengenai alam sekitar dan mula mengenal Allah. Untuk itu, sebagai orang Islam kita wajib memelihara alam sekitar sebagaimana kita menjaga agama.

Dalam masa yang sama, Islam juga menggalakkan hakim menjatuhkan hukuman takzir dengan tujuan untuk memberikan pengajaran dan peringatan kepada pesalah terhadap kesalahan yang dibuatnya. Ini supaya pesalah tersebut tidak lagi mengulangi kesalahan tersebut. Untuk menginsafi kesalahan yang dibuat, seseorang pesalah itu haruslah mendalami agama Islam dan mengenal Allah. Dengan cara ini dapat meningkatkan lagi keimanan mereka dan menghalang mereka berbuat kesalahan pada masa yang akan datang. Hukuman alternatif seperti memerintahkan pesalah melakukan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dilihat amat bersesuaian dengan tujuan takzir itu sendiri. Malah dengan mendekati alam sekitar, pesalah ini dapat berbuat baik kepada alam sekitar dan disamping itu dapat melihat kebesaran Allah.

Ringkasnya, penulisan ini berharap agar hukuman alternatif kepada pesalah jenayah syariah boleh diperluaskan lagi kepada melakukan kerja-kerja amal seperti menjaga, memelihara dan melestarikan alam sekitar. Cadangan ini juga bersesuaian dan selari dengan prinsip maqasid syariah, *Masalih al Mursalah* dan *Siasah al Syar'iyah*. Malah cadangan untuk mewujudkan hukuman alternatif dengan cara melestarikan alam sekitar tersebut juga menepati prinsip umum hukuman takzir menurut syarak. Adalah diharapkan cadangan hukuman alternatif dapat diwujudkan di bawah Enakmen Tatacara jenayah Syariah. Agar ianya dapat membantu pihak berkuasa dalam memulihkan sikap pesalah dan seterusnya mengangkat penghakiman syariah dan melestarikan alam sekitar.

## 7.RUJUKAN

Abd Qadir 'Audah, *Al-Tasyri' Al- Janaei Al-Islami*, Beirut: Maktabah Dar al-Turath, 1993.

Ahmad Dahlan Salleh. 2013. Konsep penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar menurut perspektif Islam. *Isu Syariah dan Undang-undang*, Siri 19: 123-141.

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Azizah Mat Rashid, Noor Aziah Mohd Awal, Ahmad Azam Mohd Shariff, Nor ‘Adha Abd Hamin & Tg. Noor Azira Tg. Zainuddin, *Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Syariah dalam Masyarakat*, 2019, *Jurnal Akademika*, 89(2), hlm. 5-16.

Farrah Wahida Mustafar, Mohamad Haiqal Danial Hamdan, Norfadzilah Jusoh dan Shamsilawati Mustafar, 2020. *Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah Dan Undang-Undang*, *Journal of Law & Governance Volume 3 (No. 1) 2020:96-112 e-ISSN: 2637-0743*.

Haliza Abdul Rahman. 2016. *Kesyumulan Islam dalam Aspek Pemeliharaan Alam Sekitar* *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*. e-ISSN: 2289-8042.

Harlida Abdul Wahab & Nurli Yaacob. 2012. *Pencemaran Sungai: Analisis Peruntukan Undang-Undang Di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974*. 24 *KANUN (1)* 77-93.

‘Imaduddin & Noor Shakirah. 2016. *Tafsir Ayat-Ayat al-Quran berkenaan Penjagaan Alam Sekitar dan Analisis Isu-Isu Alam Sekitar Di Malaysia*, *Afkar Vol. 18 Issue 1 (2016): 91-130*.

Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, *Transformasi Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Penilaian Semula Terhadap Hukuman Takzir*, *Jurnal Kanun*, 2014, 29(1), hlm. 38-71.

Murtadho. 2012. *Rahsia penciptaan alam*. Terjemahan daripada Imam Al-Ghazali. *Johor Bahru: Pusataka Azhar*.

Nidzamuddin Zakaria. 2008. *Islam larang rosakkan bumi*. *Dlm Utusan Malaysia*, 30 Disember 2008. *Ruangan Bicara Agama*.

Noranizan Mohd Sufian, Narizan Abrul Rahman & Mazni Abdul Wahab, *Semakan Kehakiman Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Ulasan Literatur*, 2017, *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, 2(2), 171-188.

Norliana Zaimon & Mohd Al Adib Samuri, *Aplikasi Hukuman Alternatif Bagi Kes Jenayah Syariah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor*, *Jurnal Kanun*, 2018 47(1), hlm-1-21.

Nor Suzana Yusof, 2020, *Julai 16*). *Impak Pandemi Covid-19 Terhadap Alam Sekitar Perspektif*, 23/2020.

Manzoor, S.P. 1991. *Persekitaran dan Nilai: Perspektif Islam*, dalam Ziauddin Santar (Pynt.) *Sentuhan Midas*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).

Siti Zubaidah, *Aplikasi Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dalam Membendung Jenayah Syariah di Alam Siber*, *dml. Undng-undang Jenayah Syariah di Alam Siber*, *Jabatan Pengurusan Rangkaian Media*, Selangor, 2016.



Siti Khatijah Zamhari1 , Christopher Perumal, Cabaran dan Strategi ke Arah Pembentukan Komuniti Lestari, GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 12 issue 12 (10-24).

Suhaizad Saifuddin & Jasri Jamal, Keperluan Memperkasakan Undang-undang Penguatkuasaan bagi Kesalahan Berhubung Ajaran Sesat di Negeri Sembilan: Satu Kajian, Jurnal Hukum, 39(2),2014, hlm. 133-164.

Zurul Iman & Zaini Nasohah, Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syarih di Negeri Melaka, 2019, *Malaysian Journal of Syariah and Law (MJSL)* 7(2), hlm.13-26.